

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SINAR SELATAN)

TARIKH: 07 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 36



Selain itu, ia dapat menguji kemampuan komander operasi serta menilai tahap pengetahuan dan keupayaan pegawai dan anggota dalam menguruskan bencana termasuk pengurusan kemalangan dan pemadaman”

Wan Azmi Ahmad,  
Ketua Zon 1 JPBM Negeri



orang ramai beranggapan masa yang diambil agak lama untuk mengeluarkan mangsa yang cedera selepas kenderaan jatuh gaung, itulah cabaran sebenar terpaksa dihadapi pasukan menyelamat ketika melakukan misi penyelamatan”

Mohd Salahuddin Isa,  
Penolong Pengarah Bahagian Operasi JPBM Negeri



Negara (MKN) dan Jabatan Kesihatan negeri.

Ia turut disertai Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pasukan Bomba Sukarela Felदा Bukit Banding dan Syarikat Pengangkutan Petroleum dan Prifaria Sdn Bhd.

Mohamad Shoki berkata, Jalan Kuala Berang-Aring dipilih sebagai lokasi latihan kerana kawasan ini sering berlaku kemalangan membatikan kenderaan berat dan di situ juga tidak ada liputan komunikasi.

“Tugas pegawai serta anggota JBPM akan menjadi lebih sukar jika lokasi kemalangan tidak mempunyai kemudahan liputan talian komunikasi. Biasanya anggota akan menggunakan teknik ayunan tali sebagai isyarat meminta rakan setugas meminta bantuan tambahan.

“Pegawai dan anggota yang berada di dalam gaung akan terus melakukan kerja

penyelamatan awal termasuk mengeluarkan mangsa yang mungkin tersepit dan memberi rawatan kecemasan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Zon Satu JBPM negeri, Penguasa Kanan Bomba I, Wan Azmi Ahmad, berkata latihan sama akan diteruskan membabitkan semua agensi sebagai persiapan pegawai dan anggota menghadapi bencana.

Katanya, latihan juga diadakan bagi menguji masa tindak balas dan tahap kesiapsiagaan sebagai persediaan menghadapi bencana.

“Selain itu, ia dapat menguji kemampuan komander operasi serta menilai tahap pengetahuan dan keupayaan pegawai dan anggota dalam menguruskan bencana termasuk pengurusan kemalangan dan pemadaman.

“Latihan ini juga untuk menguji mobilisasi aset dan tenaga manusia ke lokasi



kecemasan, selain dapat menguji kemampuan pusat gerakan operasi negeri dalam menyelaras operasi besar,” katanya.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi JBPM negeri, Penguasa Kanan II, Mohd Salahuddin Isa pula berkata, latihan itu diadakan di tempat terbuka bagi memberi peluang orang ramai

menyaksikan tugas pasukan penyelamat.

Katanya, walaupun orang ramai beranggapan masa yang diambil agak lama untuk mengeluarkan mangsa yang cedera selepas kenderaan jatuh gaung, itulah cabaran sebenar terpaksa dihadapi pasukan menyelamat ketika melakukan misi penyelamatan.